

16 MAY 2003

Kurup-PBRS

PBRS HARAP "TIDAK DILUPAI" DALAM PILIHAN RAYA NEGERI AKAN DATANG

KENINGAU, 16 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup berharap parti itu tidak "dilupai" dan diberi peluang untuk bertanding pada pilihan raya negeri akan datang.

Beliau berkata walaupun PBRS adalah sebuah parti kecil, namun kesetiaannya kepada perjuangan Barisan Nasional (BN) dan kerajaan Persekutuan sentiasa kukuh dan mantap terutama dalam usaha menyakinkan masyarakat Kadazandusun dan Murut supaya menyokong BN.

"Oleh itu, kami mengharap sangat agar PBRS tidak dilupai...berilah peluang kepada kami (PBRS) untuk bertanding," katanya ketika berucap pada kongres PBRS ke-8, di Dewan Masyarakat Keningau, dekat sini, hari ini.

Kongres itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kurup yang juga Menteri Belia dan Sukan Negeri berkata parti itu akan terus memainkan peranan membantu kerajaan BN melaksanakan dasar wawasan negara bagi mencapai objektifnya terutama mewujudkan perpaduan nasional dan pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum.

"Ada pihak yang mengungkit (membangkitkan) isu kekalahan (semua) calon PBRS yang bertanding atas tiket BN pada pilihan raya lepas (1999).

"Harus diingat bahawa kekalahan tersebut bukan atas sebab isu tidak ada pembangunan tetapi disebabkan politik yang mengapi-apikan sentimen rakyat terhadap kerajaan BN. Itulah sebabnya mereka menolak PBRS kerana soal pembangunan adalah perkara kedua bagi mereka pada ketika itu," katanya.

Bagaimanapun, Kurup berkata rakyat Sabah khususnya suku kaum Kadazandusun dan Murut sudah sedar bahawa perjuangan PBRS melalui BN ialah untuk pembangunan, keamanan dan kesejahteraan rakyat.

"Sekarang mereka tahu inilah sebenarnya matlamat utama yang patut dicapai dalam hidup manusia dan mereka juga sedar bahawa hanya BN sahaja yang berkemampuan membawa semua ini kepada rakyat," katanya.

Mengenai krisis dalaman PBRS sebelum ini, Kurup berkata ia sudah selesai dan meminta semua anggota parti itu supaya mengambil iktibar krisis dalaman yang dilaluinya dalam tahun 1996 dan 2001.

"Kita tahu bahawa masalah yang berlaku didalangi oleh orang tidak jujur dan hanya mementingkan diri sendiri. Ada juga yang mahu melihat PBRS hancur tetapi akhirnya kemenangan berpihak kepada pihak yang benar," katanya.

Pada majlis itu, Kurup turut menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan rakyat kepada Dr Mahathir yang telah membantu membangunkan Sabah sambil berkata: "Kami akan mengenang budi Datuk Seri sampai selama-lamanya".

-- BERNAMA

NT LAT